



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 21

RABU 23HB MEI, 1979.

رابعو 25 جمادي الاخير 1399

PERCHUMA



GAMBAR atas kelihatan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar menyampaikan sijil kepada Timbalan Setia Usaha Agong Gabungan Peniaga2 Melayu Pekan Belait, Awang Salleh bin Samat.

Awang Salleh ada-lah salah seorang dari 65 orang peserta yang mengikuti Kursus Sivik yang dianjurkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Kursus sa-lama dua hari itu berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan dan telah berakhir pada hari Ahad lalu.

Telefon yang menggunakan kuasa 'solar' yang pertama

KAMPONG MENDERAM BESAR, BELAIT. — Jabatan Talikom telah menempah satu era baru dengan perasmian perkhidmatan radio telefon yang menggunakan kuasa 'solar' atau cahaya matahari yang di-tempatkan di-Kampung Menderam Besar dalam Daerah Belait.

Dalam perasmian yang di-langsungkan pada 15hb Mei yang lalu, Pegawai Daerah, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar telah membuat panggilan pertama dengan menggunakan alat tersebut kepada Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Perkhidmatan tersebut ada-lah salah satu daripada 50 buah alat yang serupa yang akan di-pasang di-kampung2 pendalaman.

Hadhir di-majlis perasmian itu ia-lah Pengarah Talikom, Awang D H A Scholey dan pegawai2 jabatan tersebut.

Pegawai2 itu berkata, mereka mengambil masa sa-lama sa-minggu untuk memasang alat tersebut dengan memakan belanja sa-jumlah \$25,000.

Sistem tersebut menggandungi dua buah bateri, sa-buah sel solar dan arial sa-tinggi 100 kaki.

Bahagian Perangkaan, YPE lanchar kajian ekonomi perusahaan perniagaan 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perangkaan, Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan awal minggu lalu telah mengedarkan beberapa borang penyata dan lain2 perangkaan kepada beberapa buah perbadanan dan perusahaan Kerajaan, sharikat2 awam dan persendirian, sharikat2 perkongsian, hakmilk2 persendirian dan lain2 pertubuhan perusahaan dan perniagaan.

Pengedaran borang2 tersebut ada-lah sa-bahagian dari usaha untuk melancarkan pengkajian perusahaan dan perniagaan yang di-jalankan di-negeri ini yang mengkehendaki butir2 keterangan bagi tahun2 1977 dan 1978.

Menurut Ketua Pegawai Perangkaan jabatan tersebut kepada Pelita Brunei minggu ini, bahawa pengkajian itu bertujuan untuk menganalisa kira2 dan memperjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan kumpolan2 kegiatan ekonomi yang tertentu yang akan membolehkan penaksiran berbagai jumlah besar seperti pendapatan, dalam negeri, penggunaan perantaraan, sumber2 dan kegunaan2 kumpolan wang, pembentokan modal dan sa-umpanya di-negeri ini.

Dalam satu siaran-nya yang di-hantar kepada perusahaan2 yang terlibat, Bahagian Perangkaan juga mengkehendaki keterangan2 am mengenai satu2 perusahaan seperti yang terkandung dalam borang 'A' manakala Borang 'B' sa-tiap perusahaan di-kehendaki menerangkan penyata kira2 sa-masa bagi tahun 1977 dan 1978 yang meliputi semua kegiatan perusahaan yang di-buat di-negeri ini dan Borang 'C' dan 'D' mengkehendaki keterangan kunchi

Lihat muka 16

Wakil2 kawasan di-pileh

KATI MAHAR. — Awang Kamis bin Nasir dan Dayang Zaiton binte Haji Tuah akan mewakili Kawasan Brunei V ka-pertandingan membacha Kor'an Peringkat Daerah Brunei-Muara yang akan di-adakan bulan depan.

Awang Kamis dan Dayang Zaiton telah munchol sa-bagai johan dalam pertandingan peringkat kawasan yang telah di-adakan di-Masjid Kati Mahar pada hari Jumaat yang lalu.

Sa-ramai 12 orang qari dan qariah telah mengambil bahagi-

SAMBUTAN PERINGATI PENUBOHAN KE-18 AMDB DI-EMPAT DAERAH

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan berangkat untuk menyaksikan dan sa-terus-nya mengorbankan pingat2 perangai baik dan perkhidmatan lama kepada beberapa orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Penyampaian pingat2 tersebut ada-lah sempena memperingati ulang tahun yang ke-18 tertubuh-nya pasokan itu dan akan di-langsungkan pada hari Khamis 31hb Mei di-Padang Besar di-sini antara jam 5.00 hingga 6.00 petang yang juga merupakan acara kemunchak sambutan tersebut.

Untuk memperingati penubohan yang ke-18 tahun itu, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah pun menyusun beberapa acara menarik bagi memperlihatkan kelengkapan dan kecekapan pasokan itu sa-chara sa-rentak di-semua daerah seluruh negeri yang akan di-amal bahagian oleh semua yunit pasokan itu.

Perayaan tersebut yang merupakan Hari Terbuka untuk kunjongan orang ramai antara lain akan menunjukkan kereta perisai Scorpion, dari Chawangan Peninjau; pertunjukan helikopter dari Chawangan Udara; pertunjukan bot2 peronda dari Skuadron Bot Khas; pertunjukan dari Pasokan Meriam Katak dan Angkatan Laut yang akan dapat di-saksikan di-Dermaga Kastam ibu negeri antara jam 1.30 hingga 4.30 petang.

Beberapa pertunjukan lain yang berupa terjun payong bebas dan permainan serunai dan tambor akan dapat di-lihat oleh orang ramai di-Perkhemahan Tutong antara jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Achara2 sambutan yang berupa gerakan tentera dan terjun payong bebas juga akan dapat di-saksikan di-Hari Terbuka bagi Daerah Belait pada sebelah petang. Manakala di-Perkhemahan Bangar pengunjon2 akan dapat menyaksikan pertunjukan memasak ketika dha-rurat, melintas chara bertali, perkakas semboyan, terjun payong bebas serta kerja2 dari pasokan pengambilan rekrut di-sa-belah pagi hingga tengahari sementara itu bagi memelihara perayaan tersebut, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga telah mengundang Pasokan Pencharagam dari Kompeni Muzik dan Tambor Singapura yang akan mengadakan permainan mereka di-Berakas Kem pada 31hb Mei dan di-Perkhemahan Tutong, pada 1hb dan 2hb Jun.

Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 139 buah Sekolah Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris bagi sa-panjang bulan Mei dan Jun ini akan menyertai peraduan pameran lukisan dan pertukangan-tangan yang di-anjurkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran.

Peraduan pameran itu bertujuan untuk memilih lukisan2 dan hasil kerja-tangan murid2 untuk di-pertandingkan dalam pameran peringkat negeri sarentak dengan pameran bagi sekolah2 menengah dan maktab2 yang akan di-adakan di-Bilik Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada 30hb Jun hingga 3hb Julai depan.

Peraduan pameran tahun ini telah di-mulakan pertunjokannya oleh murid2 dari enam buah sekolah persediaan Inggeris Daerah Belait yang telah di-adakan pada 6hb Mei lepas bertempat di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Lihat muka 16

Lihat muka 16



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

23HB MEI, 1979

KURSUS SIVIK DARI MUKIM KA-MUKIM

BAHAGIAN Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah menyusun satu lagi Kursus Sivik dari Mukim ka-Mukim, bermula dari Mukim Kuala Belait yang telah selesai di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait dua hari berturut-turut ia-itu pada hari Sabtu dan Ahad yang lalu. Di-samping kursus itu juga di-adakan pameran kegiatan Kerajaan dan penduduk2 di-mukim berkenaan. Kursus sampama itu akan di-jalankan ka-seluruh mukim di-negeri ini ia-itu menurut keutamaan dan giliran masing2. Peserta yang menghadhiri kursus itu terdiri dari golongan peniaga2 Melayu, orang perseorangan, nelayan, sharikat kerjasama dan para petani. Peserta ini terserah-lah atas kepentingan penduduk di-Mukim itu sendiri dan demikian juga cheramah2 yang akan di-sampaikan.

Bagi Kursus Sivik dan Pameran Mukim Kuala Belait yang baru lalu itu sa-banyak lima tajok cheramah telah di-sampaikan ia-itu "Masalah Penggunaan Tanah", "Keselamatan dan Keamanan", "Peranan dan Khidmat Lembaga Kemajuan Ekonomi", "Tanggong-jawab Imigresen" dan "Perkhidmatan Penerangan." Memandang kepada kelima2 tajok cheramah itu sudah cukup di-mengerti peri mustahak-nya tajok2 cheramah itu di-sampaikan sa-chara dekat untuk di-fahami oleh peserta2 kursus dan semoga para peserta itu pula akan dapat menyampaikan kepada orang ramai yang ingin tahu hal2 yang berkenaan dan sebenar-nya.

Sa-bagaimana tujuan pokok kursus2 sivik yang pernah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada masa yang lalu, maka Kursus Sivik dan Pameran dari Mukim ka-Mukim ini juga ada-lah di-hasratkan bagi menuai matlamat pembangunan negara yang sedikit sa-banyak telah dapat memainkan peranan-nya — pada meniuip serta menanamkan semangat kesedaran raayat ka-arrah ketetapan BERAJA, BERBANGSA dan BERNEGARA, khusus-nya untuk menchapai perpaduan yang kukuh lagi kuat.

Pembangunan negara dalam ertikata sa-benar dapat di-tegak serta di-perkukuhkan melalui pembangunan rohani dan mental. Kedua2 faktor tersebut amat penting dan mempunyai hubungan rapat ka-arrah keselamatan, perpaduan serta keamanan negara. Meletakkan keutamaan ka-atas keselamatan, perpaduan serta keamanan daripada segala kepentingan ada-lah sa-bagai satu unsur yang amat penting dan mustahak pada menuai ka-arrah pembangunan negara yang asasi. Dan menyedari hakikat ini, tugas raayat dan penduduk di-mukim masing2 boleh memainkan peranan yang lebih bermakna dan bererti pada menyumbangkan tenaga mereka itu ka-arrah pembangunan sa-bagai asas kekuatan pembangunan negara.

Walau pun Kursus Sivik dan Pameran dari Mukim ka-Mukim ini hanya di-adakan sa-lama dua hari atau tegas-nya dalam masa yang singkat, namun apa yang di-harap-harapkan semoga ia-nya akan menemui dan menchapai chita2 dan matlamat yang di-sebutkan itu.

Mukim Kuala Belait ia-lah mukim yang paling bertuah di-mana kursus tersebut mula di-jalankan dan telah mendapat sambutan yang baik serta memuaskan dari peserta kursus. Semoga Mukim Kuala Belait ini juga akan dapat di-jadikan chontoh oleh mukim2 yang lain di-mana kursus yang sama juga akan di-jalankan. Selamat menjalani Kursus Sivik dari Mukim ka-Mukim. Semoga petunjuk2 yang ada di-dalam-nya akan menimbulkan sa-suatu yang bernama kebaikan.

Chalun2 Ketua Kampong

SERASA, MUARA. — Tiga Kampong Serasa pada hari Ju-

maat lalu. Perhimpunan yang di-had-

hiri oleh penduduk2 Kampong Serasa itu telah di-pengerusi-

kan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Salleh bin Tarsat, Awang Salleh bin Mo-

min dan Awang Batang bin Orang Kaya Bandar Haji Mo-



Lawatan sambil belajar

LIMA orang guru Sekolah Rendah Melayu kini sedang mengikuti kursus "Horticultural" di-Pusat Latihan Pertanian Sinaut. Kursus sa-lama tiga bulan itu akan berakhir dalam bulan Jun depan.

Sa-lain dari mengikuti kur-

sat ka-beberapa buah steshen pertanian dan kebun sayur2an di-Daerah Brunei-Muara.

Pada 5hb Mei yang lalu, peserta2 kursus itu telah di-bawa melawat ka-Steshen Pertanian Mentiri. Di-sana mereka telah di-berikan penerangan menge-

nan dengan penanaman sayur2-

an dan menyaksikan kegiatan di-sekitar steshen tersebut. Gambar atas kelihatan Pengurus Steshen Pertanian Mentiri, Awang Lois bin Md Noor sedang menerangkan chara2 pembiakan tanaman kepada peserta2 kursus tersebut. — Gambar chsan Jabatan Pertanian.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb hingga 31hb Mei, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	26.5.1979	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	26.5.1979	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	26.5.1979	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	28.5.1979	Isnin	2.00- 3.00 "
Bethadapan Kedai, Kampong Perpindahan	28.5.1979	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	29.5.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	29.5.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	30.5.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Serasa	30.5.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	30.5.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	30.5.1979	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	*31.5.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	*31.5.1979	Khamis	4.30- 5.30 "

Peringatan : *31.5.1979 — Chuti Hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 17hb Mei, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. ASAM GELUGOR — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.
2. SAYOR PUCHOK (Fu Chu — 1 lb) — \$2.50 sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
a) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
b) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
3. KACHANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT

1. ASAM GELUGOR — \$4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China, Kuala Belait.
2. SAYOR PUCHOK (Fu Chu — 1 lb) — \$2.50 sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :—

Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty, Kuala Belait.

3. KACHANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China, Kuala Belait.

SERIA

1. ASAM GELUGOR — \$4.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning, Seria.
2. SAYOR PUCHOK (Fu Chu — 1 lb) — \$2.80 sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :—
Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
3. KACHANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
b) Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga, Seria.

Peraduan Pukolan Hadzrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Dipertuan Negeri Brunei akan menganjorkan Peraduan Pukolan Hadzrah.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-Pusat Belia pada hari Ahad 22hb Julai mulai dari jam 2.00 petang dan akan di-kelolakan oleh Persatuan BAHTRAMU.

Persatuan2 belia, badan2 kebajikan, Kampong2, Sekolah dan Pasokan2 Hadzrah di-negeri ini adalah di-pelawa untuk menyertai peraduan tersebut.

Mereka yang berhajat untuk menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari mereka yang di-sebutkan di-bawah ini :—

Pg Mohammad bin Pg Sarpudin, Pejabat Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan atau No 10 Kampong Sungai Kebun Kg Ayer; Pg Aji bin Pg Md Tahir, Sekolah Inggeris Datu Gudam, Kg Sungai Kedayan; Pg Merali bin Pg Haji Bustamam, Sekolah Datu Mahawangsa, Lambak; Pg Zainal bin Pg Haji Bustamam, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan dan Pg Ismail bin Pg Hidup, Jabatan Kemajuan Kerjasama. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Pengerusi Peraduan tidak lewat dari 9hb Julai 1979.

Peraduan chator di-Tutong

PEKAN TUTONG. — Badan Sementara Chator Tutong akan menganjorkan Kejohanan Chator bagi Daerah Tutong. Peraduan yang di-anjorkan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu akan di-mulakan pada 1hb Jun depan.

Kejohanan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian Kejohanan Perseorangan Dewasa dan Kejohanan Perseorangan Remaja. Peserta2 bagi Kejohanan Remaja mesti-lah berumur tidak lebih dari 18 tahun.

Semua perlawanan akan di-adakan di-Sekolah Inggeris Suffri Bolkiah pada tiap2 hari Jumaat.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Awang Dandan Setia, Bahagian Kesihatan MRS, Tutong Kem; Awang Ariffin Suffian — Pejabat Kastam dan Awang Kamaluddin bin Hitam di-Pejabat Daerah Tutong.

Tarikh tutup penyertaan ia-lah 25hb Mei, 1979.



Awang Abdul Jalil handing over the trophy to a team member of the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan and Sekolah Sains which came second in the quiz contest among secondary schools and colleges.

AAC wins contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Anthony Abell College last week emerged champion in the quiz competition for secondary schools and colleges in the State.

It clinched the title when it beat the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan and Sekolah Sains in the final held at RTB's Dewan Raya here. The Superintendent of Secondary Education, Awg Abdul Jalil bin Abdul Rahman presented the prizes.

Second race for Swee trophy

BANDAR SERI BEGAWAN. — The second bicycle race for the Swee Private Limited trophy will be held at the old airport in Berakas on June 10.

The Brunei Amateur Cycling Association which is organising the race said those interested in taking part in the race should get entry forms from now available from Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu at the Youth Centre here.

Cyclists in the Kuala Belait and Seria areas can obtain the entry forms from Awang Ismail bin Apang at the Welfare, Youth and Sports Department or from Pengiran Sulaiman bin Pengiran Buntar at the Penang Office.

Those in Tutong can get the forms from Awang Haji Ali bin Haji Ibrahim at the Information Office and

KUALA BELAIT. — The Chief Information Officer Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohammed Salleh bin Haji Masri last Saturday officially declared open a civic course held at the Civic Centre here.

The two-day course organised by the State Secretariat was attended by some sixty-five people from government departments, associations and business organisations.

There was also an exhibition on the development in the Belait District during the course.

those in Temburong should go to Awang Yusof bin Hj Misir at the Electrical Department.

The forms must be completed and returned not later than June 4.

The association is also planning to hold the Kuala Belait to Bandar Seri Begawan race in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations in July.

Bank receives another boost

BERAKAS CAMP. — The State Blood Bank last Friday received another eighteen pints of blood bringing to six hundred and thirty-five pints the amount so far collected by the bank this year.

The latest donation came from eighteen members of the World Wide Helicopter Club, who donated the blood at the club premises here.

Among those present at the opening ceremony was the District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammed Jaafar.

Over 800 take part in annual sports

BANDAR SERI BEGAWAN. — Some three hundred pupils from ten schools in Brunei Division One took part in their annual sports meet held last Tuesday at the SMJA School padang here.

There were a total of twenty-three field and track events in the meet which was declared open by the Penghulu of Mukim Kampong Saba, Awang Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah. The following Thursday afternoon nineteen schools in Brunei Division Two held their

annual sports meet at the Sengkuring Malay School padang.

The meet was declared open by the Superintendent of Prisons, Awang Abdul Wahab bin Haji Mohammed Said.

About five hundred pupils competed in more than twenty field and track events.

The Penghulu of Mukim Sengkuring, Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman presented the prizes to the winners at the end of the meet.



A team member of the Amar Pahlawan Preparatory English School putting his points across during a debating contest for schools in Brunei Division Two which it won in the boys' section.

The girls' section was won by the Datu Mahawangsa Preparatory English School in Lambak where the contest was held last week.

BRUNEI'S SOLAR FIRST

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's first solar-powered telephone service located at the Kampong Mentaram longhouse at Labi in the Belait District started operation last Tuesday.

At the opening the District Officer, Dato Paduka

Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammed Jaafar, made the first telephone call powered by the sun by speaking to the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negera Laila Diraja Pengiran Abdul Momin at his office here.

The service is one of fifty solar-powered telephone stations to be installed in remote areas in the State.

Present at the opening ceremony were the Director of Telecommunications, Mr D H A Scholey and senior telecoms officials.

The officials said it took a week to install the service at a cost of twenty-five thousand dollars.

The system consists of

two batteries, a solar cell and a hundred foot radio mast.

Judo belts for 29

JALAN MUARA. — The Commissioner of Police Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Hj Rajid last Saturday presented judo belts to twenty-nine police recruits at a ceremony held at the Police Training Centre here.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja is also the President of the Brunei Amateur Judo and Karate Association.

The latest presentation brought to more than two thousand judo belts including a considerable number of black and brown ones which have been awarded to members of the Royal Brunei Police Force.

RECRUITS WANTED

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as Constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre Jalan Muara towards the end of July 1979.

Applicants must be Brunei Subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically fit. The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is \$325.00 a month plus \$100.00 allowance. On completion of training basic salary and allowance arises to \$525.00.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following:

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday 4th and also on Tuesday 5th June at 8.00 am and 2.00pm.

Tutong Police Station on Wednesday 6th June at 8.00 am.

Lamunin Police Station on Wednesday 6th June at 2.00 pm.

Kuala Belait Police Station on Thursday 7th June at 8.00 am.

Seria Police Station on Thursday 7th June at 2.00 pm.

Temburong Police Station on 9th June at 8.00 and 2.00 pm.

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday 11th and also on Tuesday 12 June at 8.00 am and 2.00 pm.

Red Cross members receive certs

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Secretary of the State Red Cross, Dayang Siti Hajar binte Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Mohammad Yusof last Friday presented certificates to some fifty members of the Brunei Muara Red Cross Society at a ceremony held at the organisation's headquarters in Jalan Ong Sum Ping here.

Seven of the members received first aid certificates, sixteen health certificates and the rest membership certificates.

Before the presentation, the Director of the State Red Cross, Mr Palaniandy, inspected a guard-of-honour accorded by about one hundred and fifty members.

PWD starts soccer tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Public Works Department's inter-section football tournament began at the padang here last week.

The tournament organised by the Department in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebration this year, was officially launched by the Brunei Muara District Officer, Awang Haji Mohammed Salleh bin Haji Hidar.

Fourteen teams from sections within the Department are taking part in the tournament.

Last year the Berjaya team from the road section won the tournament.

PADA keluaran minggu lepas, kita telah terangkan berkenaan dengan keputusan Kerajaan Mesir tidak membenarkan perkataan BAHAI di-tulis dalam borang kenyataan beranak dan mati bagi penganut2 Bahai sa-bagai suatu ketetapan tegas dari Kerajaan tidak mengiktiraf Bahaism atau Bahaiyyah sa-bagai salah satu agama dalam negeri Mesir. Dan demikian juga, kita telah sentoh sedikit mengenai hukum perkahwinan di-antara penganut2 Bahai, yang oleh Kerajaan Mesir di-tolak sa-bagai TIDAK SAH, baik dari segi hukum mau pun dari segi undang2 negeri, dan kerana itu tidak-lah ia di-bolehdan mendapat alaan perkahwinan sa-bagaimana yang terlazim di-negeri itu.

Dalam keluaran kali ini, kita lanjutkan sedikit lagi berhubung dengan perkara perkahwinan orang2 Bahai itu dengan memetik beberapa keterangan yang terdapat dalam naskhah fatwa.

Dari majalah Mimbar Al-Islam yang di-terbitkan di-Mesir, Bilangan 5, Tahun 1380 Hijrah, telah di-terangkan kisah perkahwinan orang Bahaiyyah di-negeri itu (Mesir), dan bagaimana kemudiannya tiga buah Mahkamah telah membatalkan perkahwinan tersebut. Cherita-nya adalah seperti berikut :—

Sa-orang Mesir yang menganut ajaran Bahai bekerja dengan kerajaan negeri itu dengan gaji \$8 Mesir (kira2 \$72.00 wang Brunei) sa-bulan. Ia berkahwin dengan sa-orang perempuan. Menurut surat nikah yang di-keluarkan oleh pusat Bahaiyyah di-negeri itu, bertarikh pada 20hb Mach, 1947 tersebut dalam surat nikah itu : Pada hari yang mulia daripada bulan yang mulia tahun 103 Bahaiyyah di-Bandar Al-Ismailiyyah di-tempat Hadziratul Qadsi (pusat Bahai) berlangsung perkahwinan di-antara pulan dan pulanah (kedua-dua pengantin itu memakai nama Islam yang tulen) dengan mahar sa-banyak 19 mithqal emas yang berse, dan di-chap dengan chap pusat Bahaiyyah "Baha'u Ya Ilahi". Dan di-bawah 'ibarat ini suatu 'ibarat yang menerangkan bahawa Baha'ullah itu Tuhan kepada orang2 Bahai.

Pegawai rendah itu menuntut kepada Kerajaan Mesir £1 (kira2 \$9.00 wang Brunei) sa-bagai alaan perkahwinan, tetapi Kerajaan enggan membayar-nya. Kerana itu Pegawai tersebut telah mendakwa Kerajaan, menuntut alaan yang terhak kepada-nya. Tetapi Kerajaan telah menjawab-nya dengan mengatakan bahawa perkahwinan itu ada-lah batal, ia itu berdasarkan fatwa Mufti Kerajaan Mesir bertarikh 13hb April, 1950 yang di-keluarkan berhubung dengan perkara perkahwinan tersebut. Isi kandungan fatwa itu ia-lah. "Apabila yang mendakwa memasuki mazhab Bahaiyyah sa-telah ia sa-orang Islam, maka di-iktibarkan ia murtad keluar dari Uagama Islam, dan berlaku-lah ka-atas-nya segala hukum berkenaan orang2 murtad. Perkahwinan-nya di-pusat Bahai dengan perempuan itu ada-lah batal dari segi shara' Islam, sama ada bini itu perempuan Bahai atau bukan. Semuanya tiada terlindung bahawa kepercayaan dan ajaran Bahai itu kedua-dua-nya bukan ajaran Islam, dan telah di-keluarkan fatwa menghukumkan orang2 Bahai itu sa-bagai kafir serta tindakan yang di-jalankan ka-atas mereka itu sama dengan tindakan ka-atas orang2 murtad." (Saya tukar2kan beberapa perkataan dan uslub, dengan maksud supaya lebih mudah di-faham).

Fatwa yang di-sebutkan oleh Mufti Mesir itu ia-lah suatu fatwa yang telah di-keluarkan oleh *Lajnatul Fatwa* di-Universiti Al-Azhar pada 3hb, September, 1949. Pengerusi-nya ia-lah Fadzilah Al-Marhum Ash-Sheikh Abdul Majid Salim. Fatwa itu menyebut : Bahawa Bahaiyyah itu suatu puak bukan puak orang Islam, kerana mazhab Bahaiyyah itu berlawanan dengan asas dan puncha serta 'akidah Islam. Tiada-lah sa-seorang itu menjadi orang Islam melainkan ia per-chaya kepada kedua-dua asas Islam dan 'akidah Islam itu.

APA HUKUM PERKAHWINAN ORANG BAHAI?

Siri ke-38

Bahkan Bahaiyyah itu suatu mazhab yang berlawanan dengan segala shari'at yang turun dari langit, dan tiada harus (tiada sah) sa-orang perempuan berkahwin dengan sa-orang dari kalangan Bahai itu, dan jika ini berlaku juga, perkahwinan itu ada-lah batal. Bahkan barangsiapa memelok mazhab Bahai, padahal sa-belum-nya ia sa-orang Islam, maka jadi-lah ia murtad keluar dari Uagama Islam, dan TIADA-LAH HARUS PERKAHWINAN ITU SAMA SEKALI, walau pun dengan perempuan Bahaiyyah seperti-nya."

Kes ini telah berjalan di-hadapan dua buah mahkamah : Mahkamah Shar'iyyah dan Mahkamah Sivil. Kedua-dua mahkamah tersebut telah menolak tuntutan alaan itu disebabkan nikah tiada sah. Kemudian orang yang telah mengemukakan dakwaan tadi menghadapi pula perkara-nya ka-hadapan Majlis Negara Mesir, dengan harapan ia akan menang dalam perbicaraan itu. Ini berlaku dalam awal tahun 1950. Mahkamah Penyelesaian dalam Majlis Negara telah membicarakan-nya.

Telah nampak sa-suatu yang pelek dari kes ini, ia-itu sa-orang pegawai rendah menuntut alaan sa-banyak \$9.00 wang Brunei—tambahan bagi gaji-nya \$72.00. Tidak-lah munasabah, hanya sa-mata2 kerana itu, ia menempah sa-orang peguam yang besar, sa-orang bekas Menteri Kabinet yang bergelar Basha (Dato') yang pada suatu ketika di-chalungkan menjadi Paderi Besar bagi orang2 Qibti (Nasrani) Mesir. Tetapi rupa2-nya sa-telah di-selidek dan di-siasat, ternyata-lah di-belakang tuntutan yang kechil itu, ada suatu Lembaga Bersekutu yang berusaha hendak mengithbatkan dakwaan kahwin dengan jalan undang2, sa-telah ia kechewa di-hadapan Mahkamah Shar'iyyah dan Mahkamah Sivil. Lembaga itu tidak lain ia-lah puak Bahaiyyah di-Mesir yang telah berjaya menyesatkan orang2 jahil serta memperdayakan beberapa orang pegawai tinggi pada zaman yang silam di-sebabkan mereka itu mengaji di-sekolah convent dan sekolah tinggi asing dan tiada mengaji Uagama Islam.

Mahkamah Penyelesaian telah membentangkan dakwaan itu,

sa-hingga terpaksa-lah orang2 Bahaiyyah menghadapi keterangan2 yang dahulu-nya mereka sembunyi-kan seperti kitab2 karangan penganjur2 mereka (orang2 Bahai), dan propaganda kepada orang ramai bahawa kitab2 itu ia-lah Kitab Suchi, turun daripada Allah melalui wahyu ka-atas dua orang Rasul Bahaiyyah.

Mahkamah telah bersandar kuat kepada fatwa2 dua orang Mufti (yang sa-belum ini sudah di-sebutkan), dan dengan keterangan2 yang di-bawa oleh peguambela sendiri serta surat2 yang di-hadapkan-nya kepada mahkamah. Surat2 yang sangat mustahak ia-lah kitab2 karangan penganjur2 Bahaiyyah, yang mereka sentiasa sembunyi-kan daripada orang ramai, ia-itu sa-bagaimana berikut :—

1. Peguambela beranggapan bahawa Bahaiyyah itu suatu agama yang tersendiri, yang beriktikad Allah itu Esa (tunggal) dan Baha'ullah yang menyeru kepada uagama Bahai itu sa-orang daripada Rasul2.

2. Orang2 Bahai telah berkata, bahawa dua orang Rasul mereka itu telah di-wahyukan oleh Allah dengan uagama Bahaiyyah. Mereka telah di-utus membawa uagama itu ka-seluruh muka bumi ini, ia-itu sa-telah Uagama Islam lemah untuk mengikut perobahan2 tamaddun manusia dan zaman moden. Dua Rasul itu ia-lah Mirza Ali Muhammad yang telah memashhorkan seruan-nya pada tahun 1844 Masehi di-negeri Iran, yang bergelar Al-Bab, dan Rasul kedua ia-lah Mirza Hussin Ali yang bergelar Baha'ullah.

Di-antara surat2 yang di-hadapkan oleh peguambela ia-lah sa-buah risalah kechil bertajok *Undang2 Perkara Persendirian* (perkara nikah kahwin) orang2 Bahai. Undang2 itu di-keluarkan dari Kitab Al-Aqdas di-chetak pada tahun 88 Bahaiyyah/tahun 1350 Hijrah/tahun 1932 Masehi. Tiap2 bab di-mulakan dengan 'ibarat yang di-katakan dari Kitab Al-Aqdas dan segala hukum2-nya melawan hukum2 Islam, bahkan menyalahi segala uagama yang diturunkan dari langit. Sa-tengah daripada hukum2-nya itu ia-



lah : Tiada harus berkahwin lebeh dari dua orang perempuan, dan berlainan uagama antara lelaki dan perempuan tiada-lah menjadi halangan perkahwinan (sekshen 9). Yang lain2 ia-lah perkara menentukan mahar dengan kadar yang tertentu dan dari emas yang berse, jangan kurang dari 19 mithqal dan tidak boleh lebeh dari 95 mithqal. Perkara membahagi pusaka orang Bahai yang mati, di-bahagi kepada 250 bahagian anak2 keturunan si-mati ... (sekshen 31-41). Orang lain daripada Bahaiyyah tidak mewarisi orang Bahai, dan anak sulung laki2 mengambil rumah dan pakaian-nya (sekshen 44). Di-tanam mayat2 Bahaiyyah dalam kacha atau batu atau kayu. Tahun orang2 Bahai terbahagi kepada 19 bulan. Mereka puasa 19 hari, bermula dari terbit matahari, bukan dari terbit fajar, dan puasa itu bukan dalam bulan Ramadhan tetapi jatuh pada hari2 sederhana dari musim bunga, yang biasa-nya jatuh pada hari Niruz (hari raya orang Iran sa-belum Islam). Mereka menentukan sembahyang 9 raka'at sa-hari dan mengalih kiblat dari Mekah ka-tempat lain.

Pada 1hb Mei, 1928 Masehi telah berhimpun di-Mesir 9 (sembilan) orang wakil2 Bahaiyyah, dan mereka itu menggubal satu perlembagaan terdiri dari 8 (lapan) sekshen, yang menyebutkan tiap2 orang Bahaiyyah mesti beriman kepada Rasul2 mereka, menerima dan tundok hanya kepada Kitab2 Suchi mereka—tiada yang lain, dan mesti ta'at kepada pemerintah Wali Amr ketua Bahaiyyah di-Mesir yang bernama *Shauqi Affendi Rabani*.

HUKUM PERKAHWINAN ORANG MURTAD DALAM SHARI'AT ISLAM.

Peguambela telah menyentoh fatwa Mufti tadi. Menurut-nya fatwa itu tidak menyentoh tentang orang Bahaiyyah menjadi kafir dan orang Islam apabila menganut Bahaiyyah jadi murtad keluar dari Islam. Fatwa hanya menyentoh tentang nikah orang laki2 Bahai dengan perempuan Bahaiyyah sa-bagai batal di-sebabkan hukum murtad dalam shari'at Islam, ia-itu laki2 di-bunuh dan perempuan di-penjara. Ada pun soal nikah orang murtad dengan perem-

puan murtad tidak berbangkit, kerana tidak ada sa-orang Ulama Islam pun membahas-nya. Maka oleh kerana itu, menurut peguambela, kejadian ini mesti-lah di-qiaskan sa-bagai perkahwinan murtad dengan perkahwinan orang zimmi. Adapun orang zimmi pada mazhab Hanafi ia-lah Majusi dan Ahli Kitab, sedang orang murtad tiada-lah ia keluar daripada golongan penyembah berhala atau Ahli Kitab. Kemudian peguambela meneruskan lagi keterangan-nya dengan menyebut rukun nikah dalam Islam itu ia-lah Ijab dan Qabul, dan sharat sah nikah mesti-lah di-hadapan dua saksi, dan perempuan pula mesti-lah harus menerima nikah dan jangan mahram kepada si-lelaki, sama ada haram mu'abbadah atau mu'abbadah. Tambah peguam, bahawa tiap2 nikah itu ada-lah ia sah pada orang Islam apabila ada segala sharat2 sah. Demikian juga nikah yang sempurna itu menjadi sah pada nikah orang zimmi. Mengenai nikah orang zimmi itu sah, peguambela telah bersandar dengan pendapat Ash-Sheikh Abu Zohrah dalam kitab-nya *Al-Ahwalus Shakhshiah* (kitab nikah), m.s. 252 dan Ash-Sheikh itu menguatkan pendapat-nya dengan perkataan ulama feqh dalam hukum2 pesaka pada sa-umpama masaalah nikah orang zimmi.

Apa pendapat mahkamah berhubung dengan hujjah ini?

Kita rengkaskan cherita-nya, bahawa mahkamah mendapati hujjah yang telah di-bentangkan oleh peguambela itu ada-lah kosong. Dakwaan-nya tentang Ulama Islam belum membahas perkara perkahwinan orang murtad ada-lah salah. Sebab Ulama Islam sudah membahas perkara orang murtad itu dengan sa-chukop2-nya, bahkan mereka juga menggambarkan masaalah2 yang nampak-nya mustahil berlaku dan telah meletakkan hukum2 bagi masaalah2 tersebut. Sebab Ulama Islam yakin, bahawa Uagama Islam itu kekal sa-lagi ada matahari dan bulan dan masaalah2 yang nampak-nya mustahil berlaku pada suatu masa itu, akan berlaku pada suatu masa yang akan datang.

Rengkasan bahasan mahkamah, bahawa Ulama Islam telah sa-kata dan ijma' mengatakan bahawa nikah orang murtad itu batal. Tiada harus (tiada sah) orang murtad laki2 berkahwin dengan perempuan murtad atau perempuan Islam atau perempuan kafir asli, kerana nikah itu berkehendakkan uagama, dan tiada uagama bagi orang murtad.

(BERSAMBONG)

Kelihatan dalam gambar. Bujang yang telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Abu Sufian bin Abdullah kelihatan menurunkan tanda-tangan di hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya.

Latehan menembak dan

lawatan Mej. Jen. Walsh



SA-RAMAI enam orang anggota Pasokan Peninjau Perisai Askar Melayu Diraja Brunei awal bulan ini telah menjalani kursus dan latehan menembak dengan menggunakan Scorpion bertempat di-padang tembak Binturan, Tutong.

Kursus itu yang bermula pada 2hb hingga 5hb Mei lalu telah juga dilakukan di-sa-panjang pantai dari sungai Binturan hingga sungai Tendureh Damit serta leboh sa-tengah batu keluar pantai.

Dalam masa menjalani kursus tersebut mereka



telah juga sempat di-kunjongi oleh Pengarah Latehan Tentera, Mejar Jeneral M.J.H. Walsh yang telah mengadakan lawatan singkat ka-Battalion Kedua AMDB.

Kunjongan Mejar Jeneral M.J.H. Walsh telah di-sertai oleh Pemerintah AMDB, Brigadier Dato

Seri Pahlawan Norman Roberts, serta lain2 Pegawai kanan AMDB.

Kelihatan dalam gambar di-sa-belah atas kiri Mejar Jeneral Walsh (dua dari kiri) ketika berbual-bual mesra dengan Kapitan Abd. Rahman bin Metassan, Timbalan Pegawai Memerintah Pasokan Peninjau Perisai sa-waktu membuat lawatan dalam latehan tersebut.

Gambar atas Mejar Jeneral Walsh sa-waktu membuat lawatan latehan dalam hutan oleh 'E' Kompeni Battalion Kedua di-Bukit Puan Belait. Da-

lam lawatan itu beliau di-beri taklimat oleh pegawai Memerintah 'E' Kompeni Pehin Mejar Shari.

Gambar sa-belah bawah kiri sa-bahagian dari anggota Pasokan Peninjau Perisai (termasuk yang menjalani kursus dan latehan) sedang memerhatikan sa-suatu dengan menggunakan teropong di-kawasan latehan di-jalankan.

Dan gambar bawah lawatan ka-Platoon Meriam Katak di-Battalion Kedua oleh Mejar Jeneral Walsh (dua dari kanan).

PERWIRA WATAN



SA-SUATU yang kelihatan indah yang di-pertunjukkan oleh anggota tatoo dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sungguh menarik perhatian para penonton yang terdiri dari masyarakat Australia (kelihatan dalam gambar sa-belah atas) ketika rombongan tatoo itu menghadiri persembahan tatoo yang di-sertai oleh 19 buah pasukan angkatan bersenjata negara2 Komanwel.

Pertunjukan tatoo yang kali ke-empat di-hadiri oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei itu telah di-langsungkan di-Lapangan Krekit Melbourne, Australia bermula dari 10hb. Mach hingga 5hb April.

Saperti yang nampak dalam gambar ini pasukan tersebut sedang beraksi memperlihatkan pakaian pengiring Diraja Brunei dengan kelengkapan tombak dan perisai di-tangan dengan iringan lagu2 yang di-permainkan oleh Pasokan Pencharagam AMDB yang ikut serta di-salah sa-buah jalanraya di-bandaraya Melbourne.

Ikuti kursus di-UK.

SARJAN Mohammad bin Ajmain dari Battalion Kedua AMDB telah bertolak ka-United Kingdom pada 12hb Mei lalu untuk menghadiri kursus jurulatih memandu dan penyelenggaraan sa-lama 10 minggu bertempat di-perkhemahan Bovington, Wareham.

Juga meninggalkan tanah ayer ia-lah Sgt. Md. Untong bin Layar dari Ibu Markas Pasokan AMDB dan Kopral Pg Jalil bin Pg Haji Jaludin dari Bengkel Pasokan bertolak ka-Singapura pada 14hb. Mei lalu.

Mereka akan mengikuti kursus juruletrik kenderaan kelas II bertempat di-Sekolah Angkatan Tentera Udara, Ayer Rajah, Singapura dan akan berakhir pada 25hb Jun depan.

Mengikuti kursus di-Hong Kong yang bermula pada 14hb hingga 19hb Mei lepas ia-lah tiga orang anggota lain; Mejar ADG Prince, PW2 Hamidon bin Ahmad dan Sgt Mohd Sazakir bin Haji Harun. Ketiga-tiga mereka mengikuti kursus tersebut di-Pejabat Rekrut Pasokan Gurkha Hong Kong.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 23HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "Return to Tomorrow"
Kumpulan ini di-umpan jauh melimpasi di-mana kapal2 lain telah menjelajah ka-planet yang di-binasakan yang jauh lebih tua dari bumi dan tanpa tanda2 kejadian kehidupan bila dengan tiba2 suara yang tidak di kenali mengundat Kumpulan ini untuk mendarat.
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 THE PAPER CHASE — sambongan
- 8.00 BOTANIC MAN — "Crucible of Life"
Siri dokumentari baru tentang sejarah alam semula jadi yang di-perkenalkan oleh David Bellamy.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 SHOW OF THE WEEK : Celebrity Concert — Connie Stevens
- 9.55 U.S. MASTER GOLF 1979
- 12.00 SIARAN TAMAT.



CONNIE Stevens bintang dalam 'Celebrity Concert' yang akan dapat di-saksikan pada malam ini jam 9.05.

KHAMIS - 24HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 BIG BLUE MARBLE
Saksikan-lah lagi lebih dari kehidupan di-negeri2 lain dalam siri talivishen kanak2 yang pertama menyeluruh keseluruh dunia.
- 6.30 DR WHO — "Pyramids of Mars"
Masa depan dunia berada dalam bahaya bila Doktor berselisah faham dengan musuh-nya yang paling menakutkan dan kerugian2 yang di-hadapinya.
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 DR WHO — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 LOU GRANT — "Hostages"
Sa-orang penganas menyerbu tempat akhbar 'The Tribune' menahan Rossi dan pemberita2 yang lain sebagai tahanan di-bilek berita bila mereka di-minta menulis semula cerita yang telah di-keluarkan sa-belum-nya.
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 LOU GRANT — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre : "New England Saga"
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 25HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 KORG : 70,000 BC "The Exile"
Korg menyedari bagaimana berharganya kehidupan binatang melalui dendanya yang kasar, bila semangat burung belatuk yang tidak sengaja telah dibunuh-nya seperti telah menyerbunya.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.30 THE FAMOUS FIVE — "Five Go To Mystery Moor"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 THE FAMOUS FIVE — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE GENERATION GAME
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 THE GENERATION GAME — sambongan
- 8.00 MORK AND MINDY — "A Mommy for Morky"
Mork yang terganggu dengan kenyataan yang dia tidak mempunyai ibu, menggunakan mesin umur 'Orkan' untuk menukar-nya menjadi sa-orang kanak2 yang berumur tiga tahun dan mengambil Mindy sa-bagai ibu angkat-nya yang baru.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 MRS COLUMBO — "Murder is a Parlour Game"
- 10.20 NIGHT GALLERY — "The Ghost of Sorworth Place"
Sa-orang pengembara yang berbangsa Amerika dengan tidak di-sedari-nya telah di-bawa ka-sebuah rumah di-Scotland, di-mana dia di-minta untuk membantu memusnahkan tempat yang di-perchayai ada hantu yang menakutkan.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 26HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE ADVENTURES OF GULLIVER — "Mysterious Forest"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS — "Fallen Idol"
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 DALLAS — sambongan
- 8.00 TAHU-KAH AWDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU



GAMBAR atas ia-lah salah satu adegan dari Tayangan Malam Minggu ini "Young Fury", sa-buah filem barat yang menarik.

Berwatak kasar dan keras, Clint McCoy sudah kembali ka-tempat asal-nya . . . untuk menemui kematian. Dia akan berdiri buat kali penghabisan di-bandar di-mana namanya di-naikkan. Sekarang sa-bagai sa-orang yang bijak bermain senjata, dia di-kejar oleh kumpulan Dawson siapa yang pada masa dulu pernah bersama-nya.

Pelakon utama cerita ini ia-lah Rory Calhoun dan Virginia Mayo.

- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 STARKY AND HUTCH
- 9.55 PREMIER SOCCER
- 10.45 TAYANGAN MALAM SABTU : "Young Fury"
Sa-orang pemain senjata dan sa-orang pembelot Clint McCoy telah pulang ka-tempat-nya untuk mati. Di-susuli oleh kumpulan Dawson yang dulu pernah bersama2-nya, dia berdiri di-bandar yang telah menaikkan nama-nya.
- 12.15 SIARAN TAMAT.

AHAD - 27HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Gunong"
- 5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Introduction to Rubbidge"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND — Siri baru. Kapal yang di-gunakan oleh Chuck, Sandy dan Sue telah di-paksa mendarat di-sebuah pulau yang misteri oleh shaitan Dr. Strange, yang memerlukan mesin 'robot' mereka untuk menyelesaikan ranchangan-nya untuk menguasai dunia.
- 6.30 HOW
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 HOW — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 RETURN OF THE SAINT — "Collision Course" — Bahagian Pertama
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 RETURN OF THE SAINT — sambongan
- 8.00 DAVE ALLEN AND FRIENDS
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MARI GEMBIRA
- 9.45 LILLIE — "Home on the Range"
- 10.35 THAT'S HOLLYWOOD — "Strange Encounters"
- 11.05 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 28HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN

- MAANA-NYA
- SUSUNAN RANCHANGAN
- RENGKASAN BERITA
- 6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHARLIE'S ANGELS
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.00 POT BLACK
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 HOW THE WEST WAS WON — "The Enemy"
Zeb Macahan dan sa-orang sarjen pasukan berkuda yang tua menemui Lt. Ayeless, sa-orang siswa yang menuju ka-barat dalam pemburuan-nya terhadap sa-orang ketua orang2 Indian yang di-shakki telah menggeledah gerabak keretapi.
- 11.05 SIARAN TAMAT.

SELASA - 29HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 AMERICAN GIRLS
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 AMERICAN GIRLS — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ARENA SOKAN
- 9.25 WHICKER'S WORLD : INDIA
- 10.15 MAN UNDERCOVER — "Baby Makes Three"
Dan Shay yang muda menyamar diri sa-bagai sa-orang penuntut maktab dalam usaha-nya untuk mendedahkan satu aktiviti pasar gelap di-situ.
- 11.05 SIARAN TAMAT.



Siri baru Mrs Columbo

PERNAH-KAH awda tertanya2 bagaimana wajah isteri Columbo? Sak-sikan-lah sendiri pada malam Jumaat ini jam 9.30, bila isteri dongeng kepada sa-orang pengintip siri talivishen yang di-minati yang belum pernah di-lihat salum-nya sekarang memainkan peranan-nya buat pertama kali. Puan Columbo munchol dalam keadaan yang mengejutkan dengan kebolehan-nya untuk menyelesaikan misteri2 yang penoh dengan tipu-daya saperti juga suami-nya yang terkenal itu!

Gambar kanan kelihatan Kate Mulgrew berlakun sebagai Puan Columbo, yang bekerja sa-bagai sa-orang pemberita sambilan untuk "Iklan Mingguan" dan sentiasa terlibat dalam misteri dan tipu-daya. Jangan lupa untuk menyaksikan episod pertama—"Murder is a Parlour Game".



DAYANG Norasikin binte Ramlee (kanan) dan Awg Norinsan bin Mejenis akan mewakili Daerah Belait dalam Pertandingan Bintang Kechil peringkat negeri.

